

# Fakulti Perubatan Veterinar UPM perkenal 3 program baharu

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Serdang

**U**niversiti Putra Malaysia (UPM) melalui Fakulti Perubatan Veterinar akan memperkenalkan tiga bidang tumpuan baharu pascasiswazah bagi ambilan bulan depan.

Langkah itu sejajar usaha universiti melahirkan lebih ramai graduan berkelayakan dalam jurusan terbabit, sekali gus menjadikan fakulti berkenaan pusat rujukan veterinar bagi rantau Asia Pasifik pada masa depan.

**Ada kelebihan**  
Dekan fakulti itu, Prof Dr Mohd Hair Bejo, berkata penawaran baharu itu membabitkan program Master Perubatan Veterinar (MVM) bagi bidang Pengimajian Diagnostik, Perubatan Haiwan Akuatik dan Perubatan Haiwan Makmal.

"Program MVM ini terbuka kepada pemohon berkelulusan dalam bidang veterinar kerana pelajar akan melalui proses pen-

gajaran dan pembelajaran secara hands-on yang memerlukan mereka menjalani latihan di Hospital Veterinar Universiti UPM.

"Pelajar mengikuti program MVM di UPM ada kelebihan kerana berbekalkan kelulusan, pengalaman dan kemahiran dalam bidang perubatan veterinar, mereka boleh menjadi pakar runding dan pakar selepas memenuhi keperluan Malaysian College of Veterinary Specialists (MCVS) serta diperakui Majlis Veterinar Malaysia (MVC)," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Fakulti itu juga menawarkan program peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dan sarjana sains (MS) yang terbuka kepada calon memilki ataupun tanpa kelulusan dalam bidang veterinar, manakala master sains veterinar (MVSc) pula hanya bagi mereka berkelulusan dalam bidang veterinar.

Ditubuhkan pada 1972, fakulti itu kini mewarkan 33 program pengajian PhD, MS dan MVSc, serta masing-masing 10 dan enam bidang tumpuan MVM bagi Amalan Klinikal

Veterinar serta Amalan Makmal Veterinar.

Secara keseluruhan, Prof Mohd Hair berkata, Fakulti Perubatan Veterinar ada 202 pelajar PhD dan sarjana dari 12 negara, termasuk Malaysia, India, Iran, Algeria, Iraq, Libya, Nigeria, Oman, Pakistan, Somalia, Sudan serta Yaman.

## Fakulti unggul


"Kebanyakan penuntut antarabangsa mengikuti pengajian PhD, iaitu 67 orang, bersama 24 lagi pelajar Malaysia. Setiap tahun, fakulti mengambil 45 pelajar baharu dan melahirkan 30 graduan pascasiswazah.

"Fakulti Perubatan Veterinar UPM adalah fakulti unggul di rantau ini dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan profesional.

"Dari segi penyeliaan, semua pegawai akademik fakulti memiliki kelulusan PhD daripada universiti terkemuka di dunia. Fakulti juga menerima geran RM7.2 juta setahun dari dalam dan luar negara untuk membiayai aktiviti penyelidikan dijalankan pelajar serta pensyarah," katanya.



Prof Dr Mohd Hair Bejo



Fakulti Perubatan Veterinar UPM adalah fakulti unggul di rantau ini dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan profesional.

## Fakulti Perubatan Veterinar UPM

→ Anugerah Tesis Terbaik sumbangkan badan profesional dan industri, disampaikan sebagai pengiktirafan kepada graduan cemerlang PhD, MVSc, MS serta MVM, sekali gus memberi galakan kepada pelajar lain